

**SULIT**

Nama :

Kelas :

SMK YYYYYYYYYYYYYYYYYYYYY

## PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2021

3756/1

**PRINSIP PERAKAUNAN**

**TINGKATAN 5**

**Kertas 1**

**November**

**1½ jam**

**Satu jam lima belas minit**

### JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A**, **B**, **C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi **17** halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

1. Mengapakah Luca Pacioli dikenali sebagai ‘Bapa Perakaunan’?
  - A Beliau menerbit buku matematik yang tepat dan lengkap
  - B Beliau membuat pelaburan modal yang besar dalam perniagaan
  - C Beliau memberi maklumat kewangan yang lengkap kepada peniaga
  - D Beliau mencipta satu sistem menyimpan rekod yang dikenali sistem catatan bergu
  
2. Maklumat berikut merujuk perniagaan Lee Book Store.

“Pemilik telah membeli mesin menggunakan wang peribadi untuk kegunaan perniagaan”

Urus niaga tersebut direkodkan sebagai tambahan modal dalam buku perniagaannya.

Apakah konsep yang digunakan?

- A Ketekalan
  - B Catatan Bergu
  - C Entiti Berasingan
  - D Tempoh Perakaunan
  
3. Kedai Buku Inspirasi menawarkan perkhidmatan menjual buku dan membuat kad jemputan di Kluang, Johor sejak sepuluh tahun yang lalu.  
Apakah butiran yang terdapat dalam Akaun Perdagangan dan Untung Rugi kedainya?
  - A Perkhidmatan tempahan kad, tunai dan insurans
  - B Perkhidmatan tempahan kad, insurans dan alat tulis
  - C Perkhidmatan tempahan kad, kadar bayaran dan perabot
  - D Perkhidmatan tempahan kad, Akaun Belum Terima dan gaji
  
4. Maklumat berikut diperoleh daripada buku sebuah perniagaan.

Kedai Perabot Famous menjual meja makan bernilai RM1 800 dengan harga RM2 600 secara kredit kepada En Kamil.

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

	Inventori	Akaun Belum Terima	Modal
A	(1 800)	2 600	800
B	2 600	(800)	1 800
C	1 800	800	2 600
D	1 800	(2 600)	(800)

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

5. Petikan carta akaun berikut diambil daripada perniagaan Jun Wei Enterprise.

Kod Item	Nama Akaun
1000/000	Aset Bukan Semasa
1000/010	Kenderaan
1000/015	Susut Nilai Terkumpul Kenderaan
2000/000	Aset Semasa
2000/010	Akaun Belum Terima
2000/015	X
2000/020	Y

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Bank	Simpanan Tetap
B	Inventori Awal	Insurans Prabayar
C	Peruntukan Hutang Ragu	Tunai
D	Sewa Belum Diterima	Hutang Lapuk

6. • Dokumen dikeluarkan oleh pihak bank  
     • Bertujuan memberitahu kepada pemilik akaun bahawa pihak bank telah mengurangkan akaun dengan jumlah tertentu.

Apakah dokumen tersebut?

- A Slip Bank
- B Keratan Cek
- C Makluman Debit
- D Makluman Kredit

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

7. Dokumen berikut diterima oleh Cik Ani seorang penjual burger.

<b>Kedai Runcit Hamidon</b> <b>No 9, Jalan Haji Manan,</b> <b>86000 Kluang, Johor</b>			
<b>Perkara</b>	<b>Kuantiti</b>	<b>Harga Seunit RM</b>	<b>Jumlah RM</b>
Kotak burger (100 keping/peket)	15 peket	10	150
Kotak oblong (100 keping/peket)	5 peket	12	60
Beg plastik (100 keping/peket)	10 peket	4	40
	<b>Jumlah</b>		<b>250</b>

09/03/2021                    10:19:37                    **TERIMA KASIH**

Catatan manakah yang betul dalam Buku Tunai?

A

**Buku Tunai**

Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Tunai	Bank
2021							
Mac 9	Jualan		250				

B

**Buku Tunai**

Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Tunai	Bank
2021							
Mac 9	Jualan		250				

C

**Buku Tunai**

Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Tunai	Bank
				2021			
				Mac 9	Belian		250

D

**Buku Tunai**

Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Tunai	Bank
				2021			
				Mac 9	Belian		250

8. Urus niaga manakah yang direkodkan dalam Jurnal Khas?

- I Membeli barang niaga secara tunai
  - II Membeli barang niaga secara kredit
  - III Memulangkan barang niaga yang rosak
  - IV Mengambil barang niaga untuk kegunaan keluarga
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

9. Antara berikut, urus niaga manakah merupakan catatan kontra dalam Buku Tunai?
- A Tunai di tangan dibankkan
  - B Tunai daripada jualan inventori dibankkan
  - C Tunai dikeluarkan dari bank untuk kegunaan peribadi
  - D Tunai peribadi pemilik dimasukkan ke dalam bank perniagaan

10. Buku Tunai Runcit berikut diperoleh daripada Pelita Trading

Tarikh	Butir	Folio	Penerimaan	Pembayaran	Analisis Bayaran	
					Alat Tulis	Tambang
2021 Apr 1	Bank	h/b	RM 200	RM 65	RM 65	RM 28
				28		
			200	93	65	28
				107		
			200	200		

Berapakah bayaran balik yang diterima daripada juruwang mengikut sistem panjar?

- A RM93
- B RM107
- C RM186
- D RM200

11. Pilih padanan yang betul.

	Akaun Nyata	Akaun Nominal
A	Kenderaan	Premis
B	Alat Tulis	Kadar Bayaran
C	Bank	Komisen
D	Jualan	Alatan Pejabat

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

12. Urus niaga berikut diambil daripada Alesya Enterprise.

Pemilik membayar insurans peribadi sebanyak RM1 800 dengan tunai perniagaan

Catatan manakah yang betul dalam lejar?

**A**

Akaun Ambilan

	RM
Tunai	1 800

Akaun Tunai

	RM
Ambilan	1 800

**B**

Akaun Insurans

	RM
Tunai	1 800

Akaun Tunai

	RM
Insurans	1 800

**C**

Akaun Ambilan

	RM
Tunai	1 800

Akaun Tunai

	RM
Ambilan	1 800

**D**

Akaun Insurans

	RM
Tunai	1 800

Akaun Tunai

	RM
Insurans	1 800

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

13. Petikan Imbangan Duga berikut diperoleh daripada buku seorang peniaga.

**Imbangan Duga pada 30 September 2021**

Butir	Debit RM	Kredit RM
Modal	50 000	
Ambilan		690
Kadar Bayaran	1 900	
Pulangan Jualan		450

Akaun manakah disenaraikan dengan tepat dalam Imbangan Duga?

- A** Modal
  - B** Ambilan
  - C** Kadar Bayaran
  - D** Pulangan Jualan
14. Maklumat berikut merupakan analisis kad inventori Raihana Trading.

Jenis Produk	Harga Kos RM	Harga Pasaran RM
Produk A	11 540	10 980
Produk B	7 560	7 750

Berapakah nilai Inventori Akhir?

- A** RM15 310
- B** RM18 540
- C** RM18 730
- D** RM19 100

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

15. Petikan Penyata Kedudukan Kewangan yang berikut diambil daripada buku Mama Enterprise.

<b>Mama Enterprise</b>			
<b>Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2020</b>			
	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
	<b>Kos</b>	<b>Susut Nilai</b>	<b>Nilai Buku</b>
	<b>Terkumpul</b>		
<b>Aset Bukan Semasa</b>			
Kenderaan	55 000	(5 500)	49 500
Lengkapan	8 650	(865)	7 785
<b>Aset Semasa</b>			
Inventori			10 800
Bank			12 300
Akaun Belum Terima			39 500
<b>Liabiliti Semasa</b>			
Akaun Belum Bayar			12 760

Berapakah Modal Kerja Mama Enterprise?

- A RM132 645
- B RM119 885
- C RM75 360
- D RM49 840

16. Berikut ialah Inventori Akhir Anna Decor.

	<b>Harga Kos (RM)</b>	<b>Harga Pasaran (RM)</b>
Bidai Kayu	5 120	5 350
Piring Hiasan	6 710	6 630
Kertas Dinding Corak Abstrak	2 190	2 320

Catatan manakah betul?

	<b>Butir</b>	<b>Debit (RM)</b>	<b>Kredit (RM)</b>
A	Akaun Inventori Akaun Perdagangan	13 940	13 940
B	Akaun Perdagangan Akaun Inventori	13 940	13 940
C	Akaun Inventori Akaun Perdagangan	14 020	14 020
D	Akaun Perdagangan Akaun Inventori	14 020	14 020

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

17. Pemilik Karim Enterprise telah membeli insurans kedainya pada 1 Jun 2020 dengan premium berjumlah RM2 400 untuk tempoh setahun. Tempoh perakaunannya berakhir pada 31 Disember 2020.

Apakah pelarasan yang perlu diambil kira pada 31 Disember 2020?

- A Insurans Prabayar RM1 000
- B Insurans Prabayar RM1 400
- C Insurans Belum Bayar RM1 000
- D Insurans Belum Bayar RM1 400

18. Berikut adalah maklumat yang diperoleh daripada buku perniagaan TTK Enterprise.

	RM
Akaun Belum Terima	25 000
Peruntukan Hutang Ragu (1 Julai 2020)	770

Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan kepada 4% atas Akaun Belum Terima.

Berapakah jumlah Peruntukan Hutang Ragu yang perlu dicatatkan ke dalam Akaun Untung Rugi pada 30 Jun 2021?

- A RM1 000
- B RM969
- C RM770
- D RM230

19. Maklumat di berikut menunjukkan pembelian perabot oleh Kedai Ahmad sepanjang tahun 2020.

	RM
1 Januari 2020	2 400
31 Julai 2020	3 600
1 Disember 2020	1 200

Polisi kedai memperuntukkan susut nilai pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Berapakah susut nilai perabot bagi tahun berakhir 31 Disember 2020?

- A RM720
- B RM430
- C RM400
- D RM390

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

20. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Ahmad.

	RM
Perabot	18 000
Susut Nilai Terkumpul Perabot	3 600

Perniagaan Ahmad bercadang untuk menjual perabot tersebut supaya mendapat untung RM800  
Berapakah harga jualan perabot tersebut?

- A RM13 600
- B RM15 200
- C RM18 800
- D RM22 400

21. Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Bunga Alora. Perkara ini belum direkod dalam mana-mana buku.

Ambil sejambak bunga mawar berkos RM148 untuk hadiah ulang tahun perkahwinan pemilik.

Apakah jenis kesilapan tersebut?

- A Kesilapan prinsip
- B Kesilapan komisen
- C Kesilapan songsang
- D Kesilapan ketinggalan satu urus niaga

22. Untung bersih yang diperoleh daripada Perniagaan Murtabak Hurairah ialah RM2 900.

Kesilapan berikut telah ditemui selepas pengiraan untung bersih.

- I Pulangan jualan dan pulangan belian masing-masing terkurang rekod RM60.
- II Kadar bayaran sebanyak RM300 belum dicatat dalam mana-mana buku.

Berapakah untung bersih selepas kesilapan dibetulkan?

- A RM2 480
- B RM2 600
- C RM3 200
- D RM3 320

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

23. Maklumat di bawah diperoleh daripada buku perniagaan bagi empat buah kedai bagi tahun berakhir 31 Mei 2021.

Firma	Modal Awal (RM)	Untung Kasar (RM)	Untung Bersih (Botol)
Kedai Ana	400 000	200 000	90 000
Kedai Wong	500 000	170 000	80 000
Kedai Sarvesh	400 000	130 000	95 000
Kedai Bravien	300 000	100 000	50 000

Kedai manakah yang paling baik untuk membuat pelaburan?

- A Kedai Ana
  - B Kedai Wong
  - C Kedai Sarvesh
  - D Kedai Bravien
24. Rumus yang berikut digunakan untuk mengira untung atau rugi sebuah perniagaan.

Modal Akhir + X – Y – Modal Tambahan
--------------------------------------

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Modal Kerja	Ambilan
B	Ambilan	Modal Kerja
C	Ambilan	Modal Awal
D	Modal Awal	Ambilan

25. Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Eifa's Café

	<u>1 Januari 2020</u>	<u>31 Disember 2020</u>
Modal	RM30 000	RM35 000
<u>Maklumat tambahan :</u>		
Ambilan dalam tahun 2020 ialah RM1 500		
Modal tambahan RM2 800 dibawa masuk dalam tahun itu		

Berapakah untung bersih atau rugi bersih perniagaan tersebut bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

- A Untung bersih RM3 700
- B Rugi bersih RM3 700
- C Untung bersih RM6 300
- D Rugi bersih RM6 300

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

- 26.** Pn Mawarni, pemilik perniagaan Salun Kecantikan Mawar tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Butir-butir berikut diambil daripada buku perniagaannya pada 31 Disember 2020.

	RM
Baki Akaun Belum Terima pada 1 Januari 2020	5 428
Diskaun Diberi	340
Pulangan Keluar	270
Peruntukan Hutang Ragu	450
Hutang Lapuk	140
Jualan Kredit	6 840
Baki Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2020	3 862

Berapakah jumlah penerimaan tunai Salun Kecantikan Mawar?

- A** RM6 700
  - B** RM7 290
  - C** RM7 560
  - D** RM7 926
- 27.** Apakah tujuan sistem kawalan tunai diamalkan?
- A** Mendapat keuntungan
  - B** Memperoleh jualan yang maksimum
  - C** Menyimpan tunai yang banyak di tangan
  - D** Mempunyai aliran tunai yang mencukupi

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

28. Berikut adalah Penyata Penyesuaian Bank Kedai Zahra pada 31 Mac 2021.

**Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2021**

<b>X</b>	RM
Tambah : Deposit Belum Dikreditkan :	
Sarah	3 000
	1 000
Tolak : Cek Belum Dikemukakan :	
Mira	800
<b>Y</b>	<b>200</b>

Apakah X dan Y

	<b>X</b>	<b>Y</b>
<b>A</b>	Baki kredit di Penyata Bank	Baki debit di Buku Tunai
<b>B</b>	Baki debit di Penyata Bank	Baki debit di Buku Tunai
<b>C</b>	Baki kredit di Buku Tunai	Baki kredit di Penyata Bank
<b>D</b>	Baki debit di Buku Tunai	Baki kredit di Penyata Bank

29. Kedai Terus Maju telah membuat Belanjawan Tunai dengan anggaran penerimaan tunai dan pembayaran tunai bagi bulan Jun 2021.

	RM
Jualan tunai	13 980
Bayaran kepada pembekal	6 600
Bayaran oleh pelanggan	5 300
Sewa kedai	500
Gaji pekerja	800
Komisen diterima	550
Belian tunai	7 890
Kadar bayaran	650
Susut nilai kenderaan	5 000

Hitungkan lebihan / kurangan tunai bagi bulan Jun 2021.

- A** Lebihan RM3 390
- B** Kurangan RM3 390
- C** Lebihan RM1 610
- D** Kurangan RM1 610

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

- 30** Maklumat berikut diperoleh daripada Perkongsian Nana dan Remy pada 31 Disember 2020.

	RM
Faedah atas modal Nana	1 000
Faedah atas modal Remy	2 000
Untung bersih	8 000
Faedah atas ambilan Nana	500

**Perjanjian perkongsian adalah seperti berikut:**

- (i) Gaji pekongsi Remy RM1 000
- (ii) Kongsi untung dan rugi dibahagikan mengikut nisbah 2 : 1

Berapakah untung yang diterima oleh pekongsi Remy?

- A** RM1 500
- B** RM2 250
- C** RM3 000
- D** RM3 167

- 31.** Akaun Realisasi berikut diperoleh daripada buku Perkongsian Zati dan Anis.

**Akaun Realisasi**

RM	RM
	Bank                    2 580

Urus niaga manakah yang merujuk catatan tersebut?

- I Pembayaran belanja realisasi
  - II Pembayaran kepada Akaun Belum Bayar
  - III Penerimaan daripada Akaun Belum Terima
  - IV Perolehan daripada jualan lengkapan
- A** I dan II
  - B** I dan IV
  - C** II dan III
  - D** III dan IV

- 32.** Antara berikut, pernyataan manakah menunjukkan ciri pemegang syer biasa?

- I Mempunyai hak mengundi
  - II Menerima dividen terlebih dahulu
  - III Tidak menerima tunggakan dividen
  - IV Mendapat dividen dengan kadar yang tetap
- A** I dan III
  - B** I dan IV
  - C** II dan III
  - D** II dan IV

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

33. Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Ikhsan Berhad.

- Modal diterbitkan dan berbayar penuh terdiri daripada 500 000 unit 8% Syer Keutamaan bernilai RM1.00 sesyer.
- Pada 30 September 2020, syarikat telah mengisyiharkan dividen interim Syer Keutamaan.
- Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, syarikat telah memutuskan untuk membayar dividen akhir Syer Keutamaan.

Berapakah dividen akhir Syer Keutamaan yang perlu dibayar?

- A RM10 000  
 B RM20 000  
 C RM30 000  
 D RM40 000

34. Antara berikut, pernyataan manakah yang merupakan tujuan penubuhan Kelab dan Persatuan?

- I Menjaga kebajikan ahli  
 II Menjalankan perniagaan  
 III Menganjurkan pertandingan  
 IV Memberi perkhidmatan sosial  
 A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D II dan IV

35. Maklumat berikut menunjukkan penerimaan dan pembayaran Kelab Belia Subang Jaya sepanjang bulan April 2021.

	RM
Baki 1 April 2021	389
<b>Penerimaan:</b>	
Yuran	320
Derma	650
Yuran Masuk	180
<b>Pembayaran:</b>	
Kadar bayaran	70
Alat tulis	30
Lekapan baharu	460

Berapakah baki Akaun Penerimaan dan Pembayaran pada 30 April 2021?

- A RM171  
 B RM590  
 C RM979  
 D RM970

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

36. Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Renang Seri Perdana pada 1 Januari 2020.

	1 Januari 2020 (RM)	31 Disember 2020 (RM)
Yuran Belum Terima	1 200	800
Yuran Belum Terperoleh	1 500	?

Berikut merupakan petikan Akaun Penerimaan dan Pembayaran pada 31 Disember 2020.

**Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2020**

	RM
Yuran Ahli 2019	950
Yuran Ahli 2020	29 000
Yuran Ahli 2021	1 000

**Maklumat Tambahan :**

- (i) Yuran tahun 2019 yang masih tertunggak dihapuskan sebagai hutang lapuk.

Hitungkan jumlah yuran yang akan direkod dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

- A RM29 350
- B RM30 660
- C RM31 300
- D RM31 510

37. Berikut merupakan petikan buku Kelab Memanah Strikes.

**Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020**

	RM		RM
Kadar bayaran	1 400	Yuran	2 800
Belanja penyelenggaraan	3 100	Jualan set memanah	8 200
Gaji	7 200	R	S

Apakah R dan S?

	R	S
A	Lebihan	700
B	Kurangan	700
C	Untung Bersih	8 900
D	Rugi Bersih	8 900

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

38. Mahkamah mengarahkan FT Shoes Factory Berhad, sebuah syarikat pengilang kasut menghentikan sementara operasinya selama sebulan kerana kesalahan alam sekitar. Apakah kos yang terlibat semasa operasi diberhentikan?

- A Kos tetap
- B Kos berubah
- C Kos pengeluaran
- D Kos bahan mentah

39. Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Sos Seri Kenali.

	RM
Kos bahan langsung	60 000
Gaji pekerja kilang	26 000
Inventori barang siap	41 200
Kadar bayaran kilang	10 800

Berapakah kos pengeluaran?

- A RM29 600
- B RM55 600
- C RM70 800
- D RM96 800

40. Maklumat berikut berkaitan kos pengeluaran kerepek oleh LB Enterprise.

Kos tetap	RM20 000
Harga jualan	RM2 sekilogram
Margin caruman	RM5 sekilogram

Berapakah Titik Pulang Modal sekiranya kos tetap meningkat sebanyak RM10 000?

- A 2 000 kilogram
- B 5 000 kilogram
- C 6 000 kilogram
- D 15 000 kilogram

### KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**